

Ingatan kepada wakil rakyat BN tunjukkan khidmat terbaik

PM: Jangan malukan parti

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB,
JAMDI NASIR dan SAIFULZAM MOHAMAD

KUALA TERENGGANU 28 Mac - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengingatkan semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) supaya tidak melakukan sebarang perbuatan yang boleh memalukan parti, diri sendiri serta rakyat di kawasan masing-masing.

Justeru Perdana Menteri mahu mereka yang bergelar 'Yang Berhormat' sentiasa menjaga diri terutama dengan mengelak rasuah sama ada sebagai pemberi atau penerima kerana akibatnya amatlah buruk.

Beliau berkata, seperti yang diketahui sebelum ini barisan kepimpinan Pusat menuntut setiap wakil rakyat yang dipilih menunjukkan khidmat terbaik kepada rakyat kerana ia merupakan satu amanah yang perlu dilaksanakan dengan penuh ikhlas dan tanggungjawab.

- Idris mahu terap pentadbiran mesra rakyat—Muka 8

"Perkara ini berkaitan dengan etika wakil rakyat. Saya mahu wakil rakyat kita menjadi wakil rakyat yang berwibawa. Jauhkan diri daripada rasuah, jangan terlibat dengan memberi atau menerima (rasuah).

"Jangan memalukan rakyat kawasan-kawasan saudara wakili, memalukan diri sendiri, memalukan pemimpin kita dan memalukan parti yang telah memberikan sokongan kepada kita yang membolehkan kita menang pada pilihan raya.

"Kalau kita sentiasa ingat perkara ini insya-Allah kita akan laksanakan tugas kita dengan baik dan berjaya," tegasnya.

Beliau menyatakan demikian ketika berucap pada Majlis Jamuan Tengah Hari Bersama Perdana Menteri yang turut dihadiri Menteri Besar, Datuk Idris Jusoh, wakil-wakilrakyat BN di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) serta jentera pilihan raya BN negeri.

• Lihat muka 4



"INI orang (harapan) saya," kata Abdullah Ahmad Badawi merujuk kepada Idris Jusoh (kiri) pada sidang akhbar di Kuala Terengganu, semalam. Kunjungan Abdullah ke Terengganu itu adalah yang pertama selepas Barisan Nasional (BN) berjaya merampas negeri itu daripada Pas pada pilihan raya umum ke-11, baru-baru ini.

SAMBUNGAN PARI MUKA 1

PM: Jangan malukan parti

Kunjungan Abdullah ke Terengganu hari ini adalah yang pertama sejak BN kembali berkuasa di negeri itu selepas menumbangkan kerajaan Pas pada pilihan raya umum ke-11 baru-baru ini.

Terdahulu ketika bercakap kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat Badan Perhubungan UMNO negeri di Primula Beach Resort di sini hari ini, beliau berkata, semua wakil rakyat BN tidak harus leka dengan kemenangan dan mereka perlu terus bekerja kuat.

"Kalau leka, borang laporan yang mesti dihantar setiap tiga bulan sekali tidak dapat diisi. Kalau gagal, mereka akan tahu apa yang akan dihadapi," tegasnya.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri turut menekankan kepada wakil rakyat supaya sedar bahawa kemenangan BN pada pilihan raya umum lalu bukannya sesuatu yang menimbulkan rasa seronok atau 'syok'.

Menurut Abdullah, kemenangan mereka itu hendaklah dianggap sebagai satu tanggungjawab paling besar yang perlu dilaksanakan dengan baik.

"Kalau kita buat kerja dengan baik dan elok saya percaya semua orang akan sayang kita, akan hormat kita. Keindahan dari segi ma-

terial yang ada pada kita tidak menjamin orang sayang kepada kita.

"Menjadi wakil rakyat tidak semestinya kita memakai kereta besar, rumah besar dan kita tidak seharusnya susah hati mengenai perkara itu kerana apa yang lebih penting, kita menjalankan tanggungjawab sebagai wakil rakyat yang sebenar," ujarnya.

Beliau berkata, setiap wakil rakyat BN perlu memikirkan kepentingan rakyat iaitu cara bagaimana mahu membawa pembangunan di kawasan-kawasan yang diwakili kerana dengan langkah tersebut ia mampu memberi faedah kepada masyarakat.

Berhubung kod etika pilihan raya, beliau berkata, laporan setiap tiga bulan wakil rakyat peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) akan diserahkan kepada Menteri Besar dan satu salinannya akan diberikan kepada kepimpinan pusat.

"Ini bererti saya akan melihat prestasi wakil-wakil rakyat terbabit sebaik sahaja selepas diteliti oleh Menteri Besar. Saya akan perhalusi khususnya mengenai perkara yang terkandung dalam laporan itu. Ia berkaitan gan apakah kerja-kerja yang telah mereka laksanakan dan apakah kejayaan-kejayaan yang telah diperoleh," katanya.